

28 NOV 1996
Robotik-MOU
PUSAT ROBOTIK MALAYSIA SIAP TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Satu memorandum persefahaman (MOU) untuk menubuhkan Pusat Robotik dan Sistem Perkilangan Fleksibel ditandatangani hari ini sempena pembukaan rasmi Taman Teknologi Malaysia (TPM) oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Perjanjian itu ditandatangani oleh TPM dan Fanuc Ltd serta Mitsui & Company Ltd, dua syarikat pembuat robot dari Jepun. Acara itu disaksikan oleh Dr Mahathir.

Pusat itu dijadual siap menjelang suku ketiga tahun depan dan akan menjadi antara yang terbesar dan paling moden di rantau ini.

Pusat itu, yang diumumkan dalam belanjawan 1997 oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, akan membolehkan jurutera dan juruteknik mendalami teknologi terkini seperti penggunaan robot dan mesin berasaskan robot.

Projek itu diilhamkan oleh Dr Mahathir dan pengerusi Fanuc Dr S. Inaba semasa Perdana Menteri melawat Jepun Mei lepas. Lawatan itu diatur oleh Mitsui.

Dr Inaba turut hadir bersama pengarah Mitsui Takashi Suzuki. TPM diwakili oleh pengerusinya Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman yang juga penasihat sains kepada Perdana Menteri.

MOU itu membolehkan TPM, Fanuc dan Mitsui merundingkan kontrak penjualan dan latihan menjelang akhir tahun ini dan menubuhkan sebuah syarikat usaha sama untuk beroperasi segera.

Kakitangan TPM akan dilatih di Fanuc untuk mengendalikan pusat itu.

Fanuc ialah syarikat bernilai US\$1.5 bilion yang terkenal kerana mesin robotik. Ia menguasai lebih 50 peratus pasaran dunia bagi barangan berkenaan manakala Mitsui memasarkan keluaran Fanuc. -- BERNAMA

TCL MAI